

04 FEB 2003

Putrajaya-Pembangunan

PUTRAJAYA DIBANGUNKAN IKUT JADUAL

PUTRAJAYA, 4 Feb (Bernama) -- Kesemua kementerian dan jabatan kerajaan yang dijadual berpindah ke Putrajaya akan dapat berbuat demikian selewat-lewatnya awal tahun 2005, kata Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Pembangunan Putrajaya berjalan dengan lancar dan setakat ini pembinaan pejabat-pejabat kerajaan di Presint 1 hampir siap kesemuanya, katanya ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun kedua Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya dan perasmian Taman Botani Putrajaya. Majlis itu dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Azizan berkata daripada lima parcel di Presint 1, empat telah siap dibangunkan dan sudahpun diduduki manakala kerja membina bangunan pejabat bagi 10 lagi Kementerian di Presint 2 hingga 4 kini di peringkat akhir.

Bagi projek ini, (menyediakan bangunan 10 kementerian di Presint 2-4), Kementerian Kewangan telah siap dan telahpun diduduki manakala baki sembilan lagi akan siap selewat-lewatnya pada pertengahan tahun hadapan.

Serentak dengan pembangunan Putrajaya, bilangan penduduk pusat pentadbiran kerajaan persekutuan itu juga telah meningkat secara mendadak kepada 35,000 orang.

"Angka ini akan bertambah dari semasa ke semasa apabila bangunan kediaman yang sedang dibina oleh Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan rakan usaha samanya diserahkan kepada kerajaan atau dijual kepada orang perseorangan," kata Azizan.

Selain daripada bangunan pejabat kerajaan dan unit kediaman, projek yang turut diberi perhatian tahun lepas termasuk Pusat Konvensyen di Presint 5, sebuah terowong di Presint 2 hingga 4, terowong monorel dan menyiapkan pembinaan Tasik Putrajaya.

Beberapa projek kemudahan awam juga telah siap dibina termasuk sekolah rendah dan menengah, satu di Presint 9 dan satu lagi di Presint 16 yang dibuka awal tahun ini.

Putrajaya, yang dahulunya Estet Prang Besar, sedang dibangunkan sebagai sebuah "bandar raya dalam taman" kerana mengikut perancangan, 37 peratus kawasan bandar raya itu diperuntukkan bagi tasik dan taman. Taman Botani yang dibuka oleh Perdana Menteri hari ini adalah yang terbesar di Malaysia.

"Pemandangan dari beberapa tempat di Taman Botani ini adalah yang terindah di Putrajaya," kata Azizan.

-- BERNAMA

SR AZZ MAI